



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



12.5.2024

Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## KEMALANGAN DI RUMAH PAM BUKIT DUMBAR: PBAPP MENYASARKAN UNTUK PULIHKAN SEPENUHNYA BEKALAN AIR KEPADA 69,000 PENGGUNA TERJEJAS SEBELUM JAM 5.00 PETANG HARI INI

- **Pada jam 4.00 pagi 12.5.2024 (Ahad), PBAPP telah mengesan kerosakan di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar di bahagian pulau, Pulau Pinang.**
- **Isu itu menjelaskan bekalan air untuk kira-kira 69,000 pengguna di Daerah Barat Daya (DBD), di kawasan antara Gelugor ke Pulau Betong (Balik Pulau).**
- **Isu telah diatasi, PBAPP menyasarkan untuk memulihkan sepenuhnya perkhidmatan bekalan air menjelang 5.00 petang, 12.5.2024.**

PULAU PINANG, Ahad, 12.5.2024: Kejadian besar elektrik di Kompleks Kolam Air dan Rumah Pam Bukit Dumbar awal pagi tadi telah menjelaskan perkhidmatan bekalan air untuk kira-kira 69,000 pengguna air Pulau Pinang di Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pulau Pinang.

Kakitangan PBAPP beroperasi di bawah protokol pelan respons kecemasan (ERP) untuk memulihkan sepenuhnya perkhidmatan bekalan air menjelang 5.00 petang hari ini.

Sehingga jam 1.00 tengah hari ini, bekalan air untuk kira-kira 40,000 pengguna (58% daripada pengguna terjejas) telah dipulihkan.

Pada jam 4.00 pagi tadi, kegagalan sebuah “11kV Medium Voltage Drive” menyebabkan Rumah Pam Bukit Dumbar 2 (BD2) terhenti tiba-tiba. Kemalangan ini menghalang PBAPP daripada mengepam air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua kepada pengguna air di DBD, di kawasan dari Gelugor ke Bukit Penara di Balik Pulau.

Sekitar jam 6.30 pagi, selepas memulihkan sistem elektrik dengan bantuan TNB dan kontraktor elektrik, PBAPP memulakan semula Rumah Pam BD2. Sejak itu, pasukan kerja PBAPP telah menjalankan kerja-kerja menyah-udara pantas di semua saluran paip utama DBD untuk menyelesaikan isu “kunci udara”.



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs



Senarai 26 kawasan utama yang terjejas oleh kemalangan ini adalah seperti berikut:

1.	Bayan Baru	14.	Jalan Pondok Upah
2.	Bayan Lepas	15.	Jalan Teluk Kumbar
3.	Batu Itam	16.	Jalan Tun Dr. Awang
4.	Bukit Belah	17.	Jalan Sungai Tiram
5.	Bukit Gambir	18.	Jalan Yeap Chor Ee
6.	Bukit Gelugor	19.	Kampung Matahari Naik
7.	Bukit Jambul	20.	Kawasan Lip Sin
8.	Bukit Penara	21.	Penang International Airport
9.	Flat Lily	22.	Pulau Betung
10.	Gelugor	23.	Sungai Ara
11.	Gertak Sanggul	24.	Sungai Batu
12.	Jalan Ismail Hashim	25.	Teluk Kumbar
13	Jalan Paya Terubong (Relau)	26.	Kampus USM, Sungai Dua

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku. Walau bagaimanapun, Harap maklum bahawa ini adalah gangguan bekalan air tidak berjadual yang berpunca daripada kemalangan elektrik secara tiba-tiba. PBAPP sedang berusaha secepat mungkin untuk memulihkan bekalan air sepenuhnya.

Pengguna air yang mengalami masalah bekalan selepas jam 5.00 petang hari ini diminta menghubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP (no. tel 04 255 8 255) untuk nasihat dan bantuan.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)